

Kontraktor lesap

Kerja pembinaan ganti jambatan lama hanya bertahan sehari

>>Oleh Nur Ain Musdad
am@hmetro.com.my

JASIN: Kegembiraan penduduk di Jalan Ayer Keroh, Kampung Bukit Senggeh, dekat sini, untuk mendapat sebuah jambatan baru tidak bertahan lama selepas kerja pembinaan jambatan itu didakwa dijalankan hanya sehari sebelum ditinggalkan.

Penduduk kampung, Jamaliah Yusof, 57, berkata, keluarganya berdepan kesukaran untuk keluar masuk dari rumahnya selepas jambatan lama yang terletak di hadapan rumahnya itu dirobohkan bagi projek berkenaan.

"Mulanya kami amat gembira melihat kontraktor sibuk memecahkan jambatan lama dan memungkah pembetung konkrit di kampung berkenaan bagi membina sebuah jambatan baru yang dijangka siap dalam tempoh enam minggu.

"Namun, sebaik melihat aktiviti itu terhenti, kami mula dihipit kebimbangan mengenangkan kesukaran yang terpaksa dihadapi untuk menghantar suami Mohd Isa Yusof, 64, yang menghidang penyakit lemah jantung



**TURUN
PADANG**
...Perumal
(dua dari kiri)
melawat
tapak projek
yang akan
diteruskan
tidak lama
lagi.

menjalani rawatan di ke Hospital Jasin," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Jamaliah berkata, jambatan itu adalah nadi penghubung utama untuk dia dan keluarganya berurusan dengan masyarakat luar.

"Memang ada jalan alternatif lain selain laluan itu, namun ia agak berbahaya kerana kami terpaksa meredah pokok getah dan rimbunan semak sebelum menemui jalan keluar.

"Apa yang membimbangkan kami adalah keadaan anak perempuan yang terpaksa keluar

dari rumah seawal jam 6 pagi untuk bekerja di pusat bandar selain keadaan hujan lebat mengakibatkan kawasan pokok getah ini akan menjadi lecah dan berlumpur," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Asahan, Datuk R Perumal ketika ditemui berkata, pihaknya sudah bertemu dengan kontraktor yang dilantik Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri yang sudah memberi jaminan akan memulakan kerja pembinaan.

"Saya difahamkan pada masa

ini, kontraktor sedang berusaha mengumpulkan barangan keperluan projek dan peralatan mesin yang diperlukan bagi menyiapkan jambatan baru itu secepat mungkin.

"Jika semuanya berjalan lancar termasuk kelengkapan mesin sudah ditempatkan di tapak projek, kerja-kerja menyiapkan jambatan baru ini sudah boleh dimulakan pada Isnin ini," katanya ketika ditemui selepas melawat tapak pembinaan jambatan berkenaan di Kampung Bukit Senggeh, di sini.